

23 MAR 1998

Mahathir-Pasport (Bergambar)

DR MAHATHIR LANCAR PASPORT ELEKTRONIK PERTAMA DI DUNIA

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan pasport baru Malaysia, pasport pintar yang merupakan pasport elektronik pertama di dunia.

Pasport yang boleh dibaca dengan mesin khas itu dilengkapi ciri-ciri keselamatan yang tinggi mengikut piawaian antarabangsa.

Ia juga dilengkapi dengan cip yang mengandungi maklumat peribadi termasuk cap jari dan gambar pembawa sebagai ciri keselamatan.

Dr Mahathir turut menerima pasport berkenaan selepas melancarkannya di Kompleks Pintar Iris di Taman Teknologi Malaysia di sini.

Iris Technologies (M) Sdn Bhd ialah pembekal cip untuk pasport Malaysia itu.

Turut menerima pasport itu ialah Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, kedua-dua Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Datuk Ong Ka Ting, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Tan Sri Dr Mazlan Ahmad dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Samsuddin Osman.

Ketua Pengarah Imigresen Datuk Aseh Che Mat berkata pasport itu akan mula dikeluarkan esok di Lembah Klang dan secara berperingkat-peringkat di seluruh negara.

Harganya masih sama iaitu RM300 bagi yang mengadungi 32 muka surat dan RM600 bagi yang 64 muka surat.

Pasport itu sah untuk lima tahun sahaja dan lanjutan tidak dibenarkan. Kemasukan maklumat serta butiran anak tidak lagi dibenarkan seperti yang dilakukan pada pasport Malaysia sekarang ini.

Ini bermakna satu naskhah pasport hanya untuk seorang individu.

-- BERNAMA

AZZ NMO